



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SANGGAR PUISI  
PERPADUAN 2024: PERPADUAN DIRAI, BAHASA  
DISANTUNI**

**5 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

**8.30 PAGI**

**GRAND BALLROOM, HOTEL SERI PACIFIC  
KUALA LUMPUR**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

## **SALUTASI**

\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan

## **PENDAHULUAN**

1. Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia atas penganjuran **Program Sanggar Puisi Perpaduan 2024** bertemakan **Perpaduan Dirai, Bahasa Disantuni**.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, antaranya **Dewan Bahasa dan Pustaka**, serta **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia**.
3. Saya menyambut baik dan berharap usaha Perpustakaan Negara Malaysia melalui program ini akan menjadi platform untuk **membangkitkan minat dan cinta terhadap puisi**, serta **memupuk benih perpaduan melalui keindahan bahasa dan sastera dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya**.
4. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara bilangan 2 tahun 2023 pada 20 November 2023 telah mencadangkan agar PNM bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi **menganjurkan program berteraskan bahasa dan sastera seperti menulis novel dan puisi**.

5. Sehubungan itu, PNM telah menganjurkan **Pertandingan Sayembara Novel yang telah diadakan bermula 15 Mei 2024** bertemakan perpaduan bagi menggalakkan penulis tempatan menghasilkan karya sastera serta penganjuran program pada hari ini iaitu **Sanggar Puisi Perpaduan** yang dapat mempromosikan nilai perpaduan dan keharmonian antara rakyat Malaysia.

### **PUISI PLATFORM INTEGRASI KAUM**

Sidang hadirin yang saya muliakan,

6. **Bahasa adalah elemen asas yang berperanan penting dalam pembinaan sesebuah bangsa.** Di negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga berfungsi sebagai penghubung utama dalam usaha mewujudkan perpaduan, keharmonian, dan jati diri kebangsaan.
7. **Bahasa juga berperanan dalam menyampaikan nilai-nilai murni yang penting dalam pembentukan bangsa yang berakhhlak dan beretika.** Melalui bahasa, nilai-nilai seperti hormat-menghormati, tolong-menolong, dan sikap kebersamaan dapat disampaikan dan diwariskan kepada generasi muda.
8. Istilah ***zeitgeist***, yang bermaksud “**jiwa zaman**” atau “**semangat zaman**” dalam bahasa Jerman, merujuk kepada corak pemikiran, budaya, dan inovasi yang mencerminkan keperluan serta nilai pada sesuatu tempoh masa.

9. Memandangkan *zeitgeist* zaman ini mendorong kita untuk mencari perpaduan dan kelestarian dalam kepelbagaiannya, **usaha memperkasa bahasa dan sastera adalah selaras dengan tuntutan semasa.** Ia mampu menjadi platform perbincangan yang sihat, mengekalkan warisan budaya, dan mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih harmoni serta bersatu padu.
10. **Puisi adalah luahan jiwa yang melampaui batasan bahasa, agama, dan budaya.** Ia adalah cerminan perasaan, pengharapan, dan impian kita bersama. Apabila seorang penyair mendeklamasi puisi, ia tidak sekadar menyampaikan kata-kata, tetapi juga mengajak kita merasai apa yang dilaluinya. Inilah yang menjadikan puisi istimewa.
11. Saya berharap program ini dapat dijadikan salah satu program berterusan oleh Kementerian Perpaduan Negara. Pada masa akan datang, Perpustakaan Negara Malaysia juga boleh menganjurkan program seperti **Festival Puisi Rakyat** dengan mengundang penyair dari pelbagai etnik dan bahasa untuk mendeklamasi puisi.
12. Contohnya, **puisi Melayu, Tamil, Mandarin, dan Iban** boleh dibacakan dalam satu platform yang sama, dengan penterjemahan atau penerangan supaya mesejnya sampai kepada semua. Ini memberikan penghargaan kepada keindahan bahasa masing-masing di samping menggalakkan perpaduan.

## **KEUNIKKAN BAHASA MELAYU**

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Perkhidmatan Rujukan Malaysiana merupakan salah satu cabang utama perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). **Pusat Rujukan Malaysiana menyimpan buku tertua iaitu DICTIONARIVM MALAICO-LATINVM & LATINO-MALAICVM yang telah diterbitkan pada tahun 1631.**
14. Buku ini merupakan kamus dwibahasa Melayu-Latin dan Latin-Melayu. Kamus ini adalah koleksi yang tertua di Perpustakaan Negara Malaysia. Penyusun kamus ini, Davidis Haex telah berjaya mengumpulkan sebanyak 1,805 entri bahasa Melayu dan 3,639 entri bahasa Latin. **Penerbitan kamus ini adalah antara dokumen pembuktian tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai lingua franca di Nusantara pada ketika itu.**
15. Pada abad ke-15, dengan kemunculan Kesultanan Melaka, Bahasa Melayu mula diiktiraf sebagai bahasa perdagangan. Bahasa Melayu menjadi lingua franca dalam kalangan pelayar dan pedagang dari pelbagai latar belakang budaya, termasuk Arab, India, dan Cina.
16. Sejarah Bahasa Melayu mencerminkan perjalanan yang panjang dan dinamik. Dari akar umbi sebagai bahasa lokal, ia telah berkembang menjadi bahasa yang diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa. Dalam dunia yang semakin global, **Bahasa Melayu terus berperanan penting dalam menyatukan masyarakat yang berbilang kaum dan budaya.**

## **PENUTUP**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

17. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini, mewakili Kementerian Perpaduan Negara ingin mengucapkan **Selamat Bersara kepada Puan Salasiah Abdul Wahab.** Untuk makluman, beliau telah berkhidmat selama 33 tahun dalam Perkhidmatan Awam. Lantikan pertama adalah pada 1 Julai 1991 selaku Pustakawan dan akan berakhir pada 30 November 2024 sebagai Ketua Pengarah, PNM. Terima Kasih atas segala sumbangan, khimat, jasa dan bakti kepada negara khususnya dalam perkhidmatan perpustakaan.
18. Sebelum berundur, tentunya saya juga ingin menyampaikan sebuah puisi:

*Bangsaku Malaysia,  
Kita datang dari sejarah yang panjang,  
Membawa warisan nenek moyang,  
Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan,  
Semua bersatu, membentuk pelangi indah,  
Di bawah langit yang damai,  
Dengan semangat harmoni MADANI.*

19. Puisi ini mengangkat nilai perpaduan, mengajak masyarakat dari pelbagai latar belakang untuk terus bersatu dan berjuang dalam mencapai cita-cita bersama sebagai sebuah negara bangsa.

20. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini, terutamanya kepada pengajur, penyair, dan semua peserta yang hadir. **Marilah kita terus menjadikan bahasa dan sastera sebagai jambatan perpaduan, sebagai wadah yang menghubungkan jiwa-jiwa kita sebagai satu bangsa Malaysia yang harmoni.**
21. Dengan ini, saya **MERASMIKAN PROGRAM SANGGAR PUISI PERPADUAN 2024: PERPADUAN DIRAI, BAHASA DISANTUNI.**

Sekian, Terima kasih.